



**Q&A**  
**PROSES PENCALONAN DAN PEMILIHAN**  
**JAWATANKUASA KARIAH MASJID SESI 2025-2027.**

**Soalan 1 :**

Q : Bagaimana kaedah yang dilaksanakan oleh JHEAINS dalam memilih AJK yg telah dicalonkan oleh kariah?

A : Permohonan yang telah dihantar ke JHEAINS Daerah, akan disemak terlebih dahulu bagi memastikan borang pencalonan diisi dengan lengkap. Borang yang tidak mengisi ketiga-tiga jawatan utama beserta pencadang, penyokong dan saksi atau yang tidak memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan tidak akan diterima.

**Soalan 2 :**

Q : Apa yang dimaksudkan dengan perkara (m) "Tidak memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana Jawatankuasa Kariah di masjid yang sama atau masjid yang lain" dalam Kriteria Kelayakan itu, apa maksudnya? Mohon pencerahan?

A : Maksudnya AJK Kariah Masjid sesi 2025-2027 lantikan baru, tidak boleh memegang apa-apa jawatan lain dalam mana-mana Jawatankuasa Kariah di masjid yang sama atau masjid yang lain.

**Soalan 3 :**

Q : Adakah AJK Kariah Masjid sedia ada layak dicalonkan semula untuk sesi 2025-2027?

A : AJK Kariah Masjid lantikan sesi 2023-2024 yang berakhir 31 Disember 2024 layak dicalonkan semula untuk jawatan AJK Kariah Masjid sesi 2025-2027.

**Soalan 4 :**

Q : Adakah penduduk tetap Bukan Warganegara Malaysia layak untuk dicalonkan sebagai AJK Masjid?

A : Tidak boleh kerana hanya Warganegara Malaysia sahaja yang layak dicalonkan.

**Soalan 5 :**

Q : Kenapa terdapat masjid yang dikecualikan daripada proses pencalonan dan pemilihan AJK?

A : Masjid yang dikecualikan daripada proses pencalonan dan pemilihan AJK adalah merangkumi :

- 1) Masjid Negeri
- 2) Masjid Daerah (setiap daerah)
- 3) Masjid DiRaja
- 4) Masjid Institusi (Polis & Tentera)
- 5) Masjid Wakaf (bawah seliaan MAINS & waris pewakaf masih ada)
- 6) Masjid-masjid yang bermasalah

**Soalan 6 :**

Q : Bolehkah masjid bermesyuarat bersama ahli kariah untuk melantik calon-calon bagi 3 jawatan utama?

A : Boleh.

**Soalan 7 :**

Q : Adakah Pengerusi JPKK boleh dilantik sebagai AJK Masjid?

A : Pengerusi JPKK boleh dicalonkan sebagai AJK Kariah Masjid sekiranya mematuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.

**Soalan 8 :**

Q : Bolehkah Pegawai Masjid (Imam, Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita) dicalonkan sebagai AJK Masjid?

A : Boleh jika memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.

Disediakan oleh :

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sembilan Darul Khusus

